

## Soalan Lazim

### **Pembukaan Permohonan Penggajian Pekerja Asing Sub Sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas**

#### **S1) Siapakah yang dibenarkan membuat permohonan pekerja asing bagi sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas?**

Permohonan bagi pekerja asing sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas adalah tertakluk kepada:

- a) pengusaha India atau ahli Persatuan Perdagangan India di Malaysia sahaja; dan
- b) aktiviti perniagaan hendaklah berkait dengan tradisi atau keagamaan masyarakat India.

#### **S2) Apakah tindakan yang perlu diambil oleh majikan bagi mengemukakan permohonan pekerja asing di bawah sub sektor ini?**

Tindakan yang perlu diambil:

- a) Majikan perlu memastikan *User ID* syarikat telah diwujudkan dalam *Foreign Worker Centralized Management System* (FWCMS) melalui laman web [www.fwcms.com.my](http://www.fwcms.com.my)
- b) Majikan perlu membuat permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955 melalui modul *FWe Approval*, FWCMS.
- c) Majikan seterusnya perlu membuat permohonan kuota melalui modul *eQuota*, FWCMS setelah menerima Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955 oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

#### **S3) Bilakah permohonan pekerja asing bagi sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas boleh dibuat?**

Permohonan boleh dibuat mulai 10 Oktober 2023 melalui proses:

- a) verifikasi maklumat majikan yang diterima daripada Persatuan Perdagangan India; dan
- b) majikan meneruskan proses pendaftaran *User ID* di sistem FWCMS.

**S4) Apakah syarat-syarat Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955?**

Syarat-syarat Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955 adalah merangkumi:

- a) Kewujudan dan pengoperasian premis perniagaan sepertimana dinyatakan dalam lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- b) Tiada sebarang tuntutan kes buruh;
- c) Tiada kes pendakwaan atau kompaun;
- d) Tidak melakukan sebarang kesalahan berbentuk kewangan seperti tunggakan baki gaji, bayaran kerja lebih masa atau apa-apa kesalahan kewangan lain;
- e) Mempunyai rekod caruman aktif PERKESO bagi pekerja sedia ada; dan
- f) Perakuan Penginapan Pekerja atau resit / bukti bayaran permohonan Perakuan Penginapan Pekerja (jika majikan mempunyai pekerja asing sedia ada).

**S5) Adakah permohonan semula Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955 dibenarkan sekiranya permohonan asal ditolak?**

Ya, permohonan semula Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955 dibenarkan setelah majikan mematuhi syarat-syarat sepertimana soalan 4 di atas.

**S6) Apakah syarat-syarat kelulusan kuota bagi sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas?**

Syarat-syarat kelulusan kuota bagi setiap sub sektor adalah merangkumi:

- a) Kewujudan dan pengoperasian premis perniagaan SEDIA ADA sahaja;
- b) Memperoleh Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta Kerja 1955;
- c) Mematuhi dasar dan kriteria penggajian pekerja asing sepertimana ketetapan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- d) Hadir temuduga bersama Agensi Kawal Selia iaitu KPDN untuk semakan dokumen permohonan dan pertimbangan kelulusan kuota; dan
- e) Lain-lain ketetapan yang digariskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

**S7) Adakah tempoh tertentu yang ditetapkan kepada majikan untuk membuat permohonan?**

Ya, tempoh permohonan dibuka bermula 10 Oktober 2023 sehingga kuota yang ditetapkan oleh Kerajaan telah dipenuhi bagi ketiga-tiga sub sektor.

**S8) Berapakah jumlah kuota yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas?**

Jumlah kuota yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi ketiga-tiga sub sektor ini adalah 7,500 orang pekerja termasuk jumlah pekerja asing sedia ada berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia.

**S9) Apakah tempoh masa yang dibenarkan untuk bayaran levi bagi sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas?**

Tempoh masa bayaran levi adalah 30 hari daripada tarikh surat kelulusan kuota dikeluarkan. Tiada sebarang rayuan bagi pelanjutan tempoh masa bayaran levi.

**S10) Bagaimanakah majikan hendak membuat bayaran LEVI (PLKS) setelah memperolehi kuota melalui modul eQuota FWCMS?**

Majikan boleh melayari:

<https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/main?mainEBayaran>

(secara ePayment Online) di ruangan e-Bayaran bertajuk BAYARAN LEVI (eKuota Tahun Pertama) LEVI.

**S11) Berapa lamakah tempoh penggajian pekerja asing baharu yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas?**

Tempoh penggajian pekerja asing baharu yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi ketiga-tiga sub sektor ini adalah mengikut dasar semasa iaitu 10 tahun + 3 tahun.

**S12) Bagaimanakah Majikan boleh mendapatkan Surat Visa Dengan Rujukan (VDR) dari pihak Jabatan Imigresen Malaysia untuk membawa masuk pekerja?**

Majikan boleh mendaftar melalui Sistem eVDR@JIM dengan melayari:

<https://imigresen-online.imi.gov.my/evdr/main>

**S13) Adakah pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi pekerja asing sedia ada di bawah sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas dibenarkan?**

Ya, pembaharuan PLKS bagi pekerja asing sedia ada yang sedang digajikan bagi ketiga-tiga sub sektor ini adalah dibenarkan tertakluk kepada dasar semasa penggajian pekerja asing. Pelanjutan PLKS boleh dibuat di Jabatan Imigresen Malaysia bermula pada 10 Oktober 2023.

**S14) Bagaimanakah cara pembaharuan PLKS tersebut?**

Majikan boleh melayari <https://imigresen-online.imi.gov.my/plks/main> untuk tindakan pembaharuan PLKS.

**S15) Bagaimana pula bagi bayaran Pas, Proses dan PLKS boleh dibuat?**

Majikan boleh menjelaskan bayaran Pas, Proses dan PLKS melalui:

<https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/main?mainEBayaran>

(secara ePayment Online) di ruangan e-Bayaran bertajuk BAYARAN LEVI DENGAN RUJUKAN (eVDR).

**S16) Berapa lamakah tempoh penggajian pekerja asing sedia ada yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas?**

Tempoh penggajian pekerja asing sedia ada tertakluk kepada BAKI tempoh penggajian mengikut dasar semasa. Mana-mana pekerja asing sedia ada yang telah memenuhi tempoh penggajian, perlu dihantar pulang.

**S17) Adakah layak permohonan pekerja asing bagi sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas dibuka dan berdaftar dalam Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0?**

**TIDAK LAYAK** kerana 3 sub sektor ini merupakan sub sektor yang masih **BEKU** dalam Dasar Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0.

**S18) Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung pembukaan sub sektor Perkhidmatan Tukang Gunting Rambut, Pekerja Tekstil dan Tukang Emas ini, siapakah yang boleh dihubungi?**

Sebarang pertanyaan berhubung pembukaan ketiga-tiga sub sektor ini, boleh diajukan melalui talian berikut:

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KSM - 03-8885 2939 / 2940  
ATAU  
Bahagian Pekerja Asing, JTKSM - 03-8886 5208 / 2403 / 5235 / 2406  
ATAU  
Bahagian Pekerja Asing, JIM – (UNIT VDR) – 03-88801589